

Asas-asas hubungan kemasyarakatan antara agama dalam perspektif Islam dan Kristian

[The foundations of interfaith societal relations in Islamic and Christian perspectives]

Mirzatul Aqilah Mat Nor* & Yusri Mohamad Ramli

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia.

* Corresponding Author: Mirzatul Aqilah Binti Mat Nor. Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, e-Mail: P98351@siswa.ukm.edu.my. Telp. 0132546340. ORCID ID: <https://orcid.org/0000-0002-1618-5674>

Keywords:

Foundations, Societal Relations, Religions, Guidelines.

ABSTRACT

Religious diversity is a uniqueness in a society. Every country wants peace and harmony in its society, especially in a country that has a society of various religions and races. Harmony is one of the main factors in the progress of a country. However, interfaith societal relations require a solid foundation to guide all levels of society in building harmonious social relations. Thus, explaining the foundations of societal relations from the religious point of view is needed for each believer of the respective religions to understand better and ensure that unity transpires in a multireligious society. This study refers to previous studies related to the concept of society and the foundations of interfaith societal relations according to Islam and Christianity, and the factors of neglecting the foundations of interfaith societal relations. The analysis of this study aims to identify the foundations established in Islam and Christianity on the interfaith societal relations by examining the texts from the Quran and the Bible. The basic theme of interfaith societal relations is derived from the findings and explanations in both the Qur'an and the Bible, including getting to know and helping each other, being respectful and being kind. Further, the foundations of these religious teachings show that each religion plays an essential role in upholding interfaith societal relations. This study is qualitative, and data are obtained through previous studies and the texts from the Quran and the Bible. The information and data are analyzed to ascertain the validity of the sources. The foundations of interfaith societal relations based on the religious texts need to be highlighted for society to understand that Islam and Christianity do not reject interfaith societal relations but draw certain limits and guidelines that need to be followed.

Kata Kunci:

Asas-Asas, Hubungan Kemasyarakatan, Agama, Panduan.

ABSTRAK

Kepelbagaian agama adalah satu keunikan dalam masyarakat. Setiap negara mahukan keamanan dan keharmonian dalam kehidupan masyarakatnya, khususnya negara yang memiliki masyarakat yang terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa. Keharmonian adalah salah satu faktor utama dalam kemajuan sesebuah negara. Namun, hubungan kemasyarakatan antara agama memerlukan satu asas yang jitu agar dapat menjadi panduan kepada

hubungan kemasyarakatan antara agama diambil dan dijadikan sumber utama perbahasan. Walau bagaimanapun, kajian ini turut menggunakan tafsiran-tafsiran muktabar bagi mentafsirkan dan juga untuk memastikan kesahihan setiap maksud yang tersurat dan tersirat dari setiap petikan ayat yang diambil dari al-Quran dan Bible. Selain itu, bagi mengukuhkan lagi kajian, teori Struktural-Fungsionalisme didapati sangat bersesuaian dan saling berkaitan untuk dijadikan sandaran dalam kajian ini. Teori Struktural-Fungsionalisme merupakan teori dalam bidang sosial dan sangat bersesuaian dengan kajian asas-asas hubungan kemasyarakatan antara agama ini (Damsar, 2017).

2. Konsep Kemasyarakatan Antara Agama Menurut Perspektif Islam Dan Kristian

Perkataan masyarakat dalam bahasa Inggeris ialah “*society*”, perkataan ini berasal daripada perkataan Latin “*Socius*” yang bermaksud teman atau kawan (Kumar, 2017). Manusia merupakan makhluk sosial kerana manusia saling memerlukan antara satu sama lain dalam menjalani kehidupan. Setiap hari manusia akan saling berinteraksi dan membina hubungan sosial dalam masyarakat. Justeru, konsep masyarakat merujuk kepada sekumpulan manusia hidup dalam kelompok manusia tertentu dan mereka saling berkongsi budaya dan peraturan yang sama atau dalam makna lainnya konsep masyarakat ini adalah untuk mencapai matlamat serta kepentingan yang sama (Abdullah, Noor, Yusof & Husain, 2017).

Seterusnya, Paul dan Chester (1984) menyatakan bahawa masyarakat ialah sekumpulan manusia yang bebas merdeka, tinggal di suatu wilayah dengan berkongsi budaya dan mempunyai pelbagai bangsa di dalamnya serta masyarakat juga sebuah organisasi yang memerlukan antara satu sama lain. Manakala Richard (2003) mengatakan bahawa masyarakat merupakan sebilangan besar orang yang tinggal di wilayah yang sama, secara relatifnya bebas daripada orang di luarnya, dan berkongsi budaya yang sama. Berdasarkan kepada pengertian masyarakat daripada ketiga tokoh ini, dapat dirumuskan bahawa masyarakat merupakan kesatuan manusia yang tinggal dalam sesuatu kawasan dan berkongsi budaya yang sama. Menurut Arthur dan Bailey (2000), kehidupan bermasyarakat sangat memerlukan kepada interaksi. Interaksi antara masyarakat dapat mewujudkan kefahaman antara satu sama lain dan mengelakkan daripada berlakunya persengketaan. Oleh itu, berdasarkan pengalaman masyarakat, peraturan-peraturan sosial perlu diwujudkan dan juga dipatuhi. Peraturan sosial dapat memberi panduan kepada masyarakat berkaitan bagaimana berinteraksi dan cara untuk mengelakkan daripada berlakunya persengketaan dan permusuhan antara satu sama lain (Frances, 2019; Zulkifli, Endut, Abdullah, & Baharuddin, 2018).

Konsep kemasyarakatan antara agama pula merujuk kepada hubungan yang melibatkan orang Islam dan bukan Islam serta mereka tinggal bersama-sama dalam satu tempat. Bagi menjamin keharmonian dalam sesuatu masyarakat, perkara yang paling penting adalah kerelaan hati untuk hidup bersama-sama walaupun mempunyai kepercayaan dan pegangan agama yang berbeza (al-Sharīf, 2013). Pembentukan kehidupan masyarakat yang aman dan harmoni sangat memerlukan kepada pengukuhan asas-asas penting dari segi kemanusiaan, keadilan sosial, menolak kezaliman, kebebasan beragama, toleransi, jaminan ekonomi dan juga pentadbiran negara (al-Gharyani, 2006).

Hawwā (2003) juga menyatakan bahawa kepelbagaian bangsa, perbezaan warna kulit dan sebagainya bukanlah menjadi asbab untuk mengasingkan diri dan menentang yang lain, namun mengambil perbezaan tersebut untuk saling mengenali dan mengasihi antara satu sama lain. Beliau juga turut menyatakan bahawa tidak ada seorang rakyat pun lebih istimewa berbanding rakyat yang lain, dan tidak ada bangsa yang istimewa berbanding bangsa yang lain, semuanya adalah sama. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Islam menolak dan melarang umatnya bersifat fanatik dan memandang rendah terhadap kelompok lain barulah keamanan dan kedamaian dalam kehidupan bermasyarakat.

Kepelbagaian manusia yang wujud dapat menggalakkan proses interaksi dan taaruf antara satu sama lain bukannya mengasingkan diri atau menimbulkan konflik. Oleh itu, dari sudut penilaian Allah SWT, manusia adalah sama walaupun berbeza warna kulit, bahasa, budaya, agama dan sebagainya namun yang membezakan adalah dari sudut keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Umumnya difahami bahawa setiap yang diciptakan dan setiap yang berlaku adalah kuasa dan kehendak Allah (Fathi, 1997). Walaupun masyarakat terdiri daripada pelbagai kelompok dan latar belakang namun Islam melarang daripada bersifat berpuak-puak dan membela ahli sendiri melakukan kesalahan.

Khairul (2003) mahupun Nazri, Yusri, dan Ahmad (2011) menyatakan bahawa sikap dan perasaan asabiah sering kali disalah ertikan, pada dasar asabiah difahami sebagai satu semangat perkauman yang tersebar meluas pada zaman jahiliah. Sikap dan perasaan assabiah ini berlaku kerana rasa cinta dan taksuf terhadap suku kaum sendiri sehingga mereka sanggup melakukan pembunuhan dan peperangan. Sikap dan perasaan asabiah ini akan menjadi masalah apabila keterlaluan dan menjadikan satu pegangan dalam diri sehinggalah

masyarakat Islam terbina dengan dasar aqidah Islam iaitu segala sesuatu yang dilakukan adalah kerana Allah SWT semata-mata (Syatirah & Ziuliana, 2009).

Manakala konsep kemasyarakatan menurut perspektif Kristian juga turut menekankan hubungan kemasyarakatan antara satu sama lain sebagaimana dijelaskan dalam tafsiran Matthew Henry, ayat Roma 12:16-21. Melalui hubungan kemasyarakatan antara agama ini diumpamakan menumbuk bara api diatas kepalanya. Perumpamaan ini membawa maksud melalui kebaikan dapat melembutkan hati orang lain dan dapat menimbulkan keinsafan dalam diri orang lain. Oleh itu, orang yang berpegang kepada perintah Kitab Bible hatinya lebih baik berbanding orang yang gagah perkasa namun melakukan kejahatan (Calvin, 2013; Henry, 1991; Schutlz, 2002). Walau bagaimanapun, daripada kedua-dua perspektif ini jelas menunjukkan bahawa melalui interaksi antara satu sama lain walau berbeza latar belakang ini dapat membentuk sebuah masyarakat yang harmoni dan dapat mengelakkan persengketaan antara satu sama lain (Mutsalim & Jaffary, 2014). Oleh itu, perbincangan secara terperinci mengenai hubungan kemasyarakatan antara agama menurut al-Quran dan Bible ini dijelaskan pada bahagian berikutnya.

3. Teori Kajian

Kajian hubungan kemasyarakatan antara agama ini, teori Struktural-Fungsionalisme dikenalpasti bersesuaian dengan kajian ini. Menurut Andreas (2008), teori ini diperkenalkan untuk melihat fungsi-fungsi dan tanggungjawab masyarakat yang pelbagai serta mampu menyumbangkan kebaikan secara berterusan. Oleh itu, penekanan terhadap tingkah laku sosial dan sifat berhati-hati dalam kalangan masyarakat ini sangat penting dalam menjaga dan membentuk keharmonian dalam kehidupan. Menurut Parsons (1967), dalam mewujudkan suatu sistem sosial memerlukan empat prasyarat utama (*imperatives atau functional pre-requisites*), antaranya *adaptation, goal attainment, integration* dan *latency* atau diringkaskan menjadi AGIL. *Adaption to the Environment* (Penyesuaian Persekitaran), merujuk kepada penyesuaian dan ketahanan masyarakat dalam apa jua keadaan, manakala *Goal Attainment* (Pencapaian matlamat) merujuk kepada sebuah sistem yang dapat menentukan sesuatu tujuan dan berusaha untuk mencapai sesuatu tujuan. Seterusnya, *Integration* (Kesepaduan) merujuk kepada pembinaan sesebuah hubungan memerlukan kepada masyarakat yang dapat melaksanakan peranan dan fungsi masing-masing dengan baik manakala *Latency* pula merujuk kepada pengamalan masyarakat dalam mempertahankan nilai-nilai norma kehidupan bermasyarakat.

Namun, teori ini diubah suai melalui penelitian awal yang dilakukan terhadap sumber utama kajian iaitu ayat al-Quran, teks Bible dan juga tafsiran bagi kedua-dua teks. Definisi bagi teori Struktural-Fungsionalisme adalah sebuah teori berkaitan dengan masyarakat, masyarakat diumpamakan sebagai organisma hidup yang memiliki peranan dan fungsi yang tertentu dalam menjalani kehidupan bermasyarakat (Palomo, 1984). Teori ini boleh dijadikan sandaran dan panduan utama dalam kajian asas-asas hubungan kemasyarakatan antara agama ini. Malah penelitian awal yang dilakukan terhadap kedua teks agama ini mendapati bahawa terdapat saranan-saranan, galakan dan kepentingan menjaga hubungan kemasyarakatan walaupun berbeza agama. Semua masyarakat mempunyai peranan masing-masing dan juga saling memerlukan antara satu sama lain bagi merealisasikan keharmonian dan kesejahteraan dalam hubungan kemasyarakatan ini (Andreas, 2008). Kedua-dua agama, iaitu Islam dan Kristian tidak menolak hubungan kemasyarakatan antara agama namun perlulah mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan dalam agama masing-masing. Namun sekiranya sesetengah masyarakat tidak menjalankan peranan dan fungsi masing-masing, hubungan kemasyarakatan antara agama ini sukar dibentuk malah boleh membawa kepada permusuhan. Oleh itu, amat bersesuaian apabila teori Struktural-Fungsionalisme dijadikan sandaran dalam kajian hubungan kemasyarakatan antara agama ini.

4. Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini berbentuk kualitatif. Pengumpulan maklumat dan data perlu melalui kaedah dan dianalisis secara deskriptif. Kaedah pengumpulan maklumat dan data dilakukan secara dokumentasi iaitu dengan kaedah pengumpulan data terhadap dokumen-dokumen utama kajian seperti petikan ayat-ayat al-Quran, teks Bible terjemahan Bahasa Melayu dan juga tafsiran-tafsiran yang muktabar bagi kedua teks agama ini. Pemilihan dan penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran dan Bible adalah dilakukan secara selektif agar bersesuaian dengan objektif kajian. Kemudian hasil daripada pemilihan ayat-ayat daripada kedua teks tersebut, dibentuk beberapa tema yang bersesuaian dengan kajian seperti tema berkenal-kenalan dan tolong menolong, tema hormat menghormati dan juga tema kebaikan. Selain itu, dokumen sekunder, diperolehi dari bahan-bahan penulisan seperti buku, disertasi, jurnal, kertas kerja, prosiding seminar dan seumpamanya. Seterusnya, maklumat dan data yang telah dikumpulkan perlu melalui proses analisis terlebih dahulu (Munawar


& Mohd Nor, 2019). Analisis kajian dilakukan adalah bagi memastikan setiap maklumat yang diperoleh tersebut mempunyai kaitan dengan skop kajian, tujuan kajian dan juga dapat menjelaskan dengan baik hasil kajian yang dilakukan. Kemudian maklumat-maklumat tersebut juga perlu disaring dan disusun mengikut kesesuaian dan pembahagian yang ditetapkan untuk kajian. Proses penyaringan dan penyusunan bertujuan untuk memudahkan penulis melakukan kajian dan merumuskan hasil akhir kajian. Oleh itu, analisis tematik digunakan dalam kajian asas-asas hubungan kemasyarakatan antara agama. Tema tersebut dibentuk melalui penelitian daripada petikan ayat-ayat al-Quran dan teks Bible. Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis tema adalah suatu kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan tema yang diperoleh hasil daripada dapatan kajian serta membantu menyusun dan menerangkan data dengan lebih tersusun dan terperinci.

4. Dapatan Dan Perbincangan Kajian

Secara logiknya, setiap agama di dunia mengajarkan nilai-nilai moral dalam kehidupan para penganutnya. Tidak ada agama yang mendorong penganut untuk menjadi seseorang yang tidak bermoral. Setiap manusia yang patuh dan berpegang kepada agama akan terpandu dan terdidik menjadi manusia yang baik dan bermoral. Segala perkara yang diajarkan oleh agama dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan seharian. Penulisan ini berkaitan hasil perbincangan dan analisis konsep asas hubungan kemasyarakatan antara agama sebagaimana terkandung dalam al-Quran dan Bible dan juga faktor-faktor pengabaian asas-asas hubungan kemasyarakatan antara agama ini.

4.1 Konsep Asas Hubungan Kemasyarakatan antara Agama Menurut al-Quran dan Bible

Kehidupan masyarakat pelbagai latar belakang sangat memerlukan kepada satu mekanisme atau asas yang kukuh agar dapat dijadikan panduan dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, bahagian ini meneliti secara umum berkaitan dengan asas-asas hubungan kemasyarakatan antara agama yang terkandung dalam teks agama Islam dan Kristian iaitu al-Quran dan Bible terjemahan bahasa melayu. Melalui penelitian kedua teks ini dapat dikenalpasti beberapa asas-asas yang dibawa oleh kedua-dua agama ini. Berikut adalah gambar rajah berkaitan dengan konsep asas hubungan kemasyarakatan antara agama menurut al-Quran dan Bible:



Berdasarkan Rajah 1 didapati bahawa al-Quran dan Bible mengandungi asas-asas yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam membentuk konsep asas hubungan kemasyarakatan antara agama ini, penelitian dan kajian secara selektif dilakukan terhadap teks al-Quran dan Bible. Kemudian asas-asas ini diselaraskan dan dibentuk kepada beberapa pembahagian antaranya ialah berkenal-kenalan dan tolong menolong, hormat menghormati dan juga kebaikan.

Konsep asas hubungan kemasyarakatan antara agama yang pertamanya adalah berkenal-kenalan dan tolong menolong. Allah SWT menciptakan manusia terdiri daripada kepelbagaian agama bukanlah untuk mencetuskan persengketaan namun untuk melihat kekuasaan Allah SWT, mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan penuh ketakwaan, saling berkenal-kenalan (taaruf) dan menjalinkan hubungan kemasyarakatan antara satu sama lain (Aziera, Faisal, Rawi, & Siti, 2017). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat [49] ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antaramu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).

Berdasarkan ayat ini, manusia haruslah saling mengenali, saling memahami dan juga saling bantu membantu antara satu sama lain. Tambahan pula, manusia ini diciptakan dan telah dijadikan serasi antara satu sama lain serta mempunyai banyak persamaan dari segi sifat dan perasaan walaupun berdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan (Ibn Kathīr, 2005; al-Tabarī, 2007). Kemudian menurut Ibn Kathīr (2005) mengenai kemuliaan manusia, semua manusia adalah sama namun yang membezakan mereka dari segi keagamaan adalah ketaatan mereka kepada Tuhan yang satu. Tuhan tidak menilai manusia dari sudut pandang kehebatan dari segi keturunan, bangsa, kegagahan diri malah hanya menilai ketakwaan setiap manusia kepada-Nya Tuhan yang Esa (Ibn Kathīr, 2005; al-Tabarī, 2007). Dalam kehidupan bermasyarakat, agama Islam sangat menekankan kepentingan berinteraksi dengan baik iaitu melalui konsep kenal mengenali (taaruf). Konsep taaruf ini adalah sesuatu hubungan yang terjalin dengan harmoni antara kedua-dua pihak dalam apa jua bidang yang diceburi (Nursila, 2019). Agama Islam juga mengakui kepelbagaian yang wujud dalam kehidupan masyarakat. Namun agama Islam tidak sama sekali melarang untuk berhubung dan bergaul dengan masyarakat bukan Islam malah untuk urusan perniagaan juga dibenarkan selagi mereka tidak memerangi umat Islam dan menyentuh sensitiviti dalam agama Islam. Allah SWT tidak melihat manusia dari segi warna kulit, keturunan, bangsa, harta, darjat, budaya dan ras malah Allah SWT melihat manusia dari sudut ketakwaan seseorang itu terhadap-Nya (Ibn Kathīr, 2005).

Seterusnya, berdasarkan laporan Penganut Agama Kristian dan Hubungan antara Agama, penganut agama Kristian mengakui dan mempercayai bahawa Tuhan yang diwujudkan dalam diri Jesus sebagai Pencipta, Pendamai, dan penebus segala sesuatu. Melalui kasih Tuhan, mereka juga percaya bahawa semua manusia saling berkaitan dan memerlukan antara satu sama lain dan saling memerlukan serta diumpamakan sebagai anak-anak Tuhan. Selain itu, manusia juga diciptakan dari imej Tuhan sebagaimana dalam teks Bible. Imej Tuhan bermaksud setiap daripada manusia berhak untuk dihormati dan setiap manusia juga perlu saling menghormati antara satu sama lain walau berbeza agama (Jodock & Mary, 2016; Osborn, 2021). Oleh itu, sebagai penganut Kristian mereka digalakkan untuk mengadakan hubungan dengan semua ciptaan Tuhan dan juga turut mempelajari cara-cara interaksi dengan masyarakat terutamanya dengan masyarakat daripada pelbagai agama. Sebagaimana dalam petikan Bible:

“Kemudian seorang guru taurat datang untuk memerangkap Jesus. Dia bertanya, “Guru apakah yang harus saya lakukan supaya mendapat hidup sejati dan kekal?” Jesus menjawab, “Apakah yang tertulis di dalam al Kitab? Bagaimana tafsiranmu?” Orang itu, menjawab, “Kasihilah Tuhan Allahmu dengan sepenuh hatimu, dengan segenap jiwamu, dengan segala kekuatanmu dengan seluruh akalmu dan Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri”. Jesus berkata kepadanya, “Jawabmu itu benar. Berbuatlah demikian dan kamu akan mendapat hidup yang sejati dan kekal”. Tetapi guru Taurat itu hendak membela diri, lalu bertanya, “Siapakah sesama saya?” Jesus menjawab, Seorang lelaki turun dari Yerusalem dan pergi ke Yerikho. Di tengah perjalanan, dia diserang penyamun. Mereka merompak dan memukul dia setengah mati, lalu meninggalkannya di tepi jalan. Kebetulan

pada masa itu seorang imam lalu disitu. Apabila dia melihat orang itu, dia menyeberang jalan dan meneruskan perjalanan. Demikian juga seorang dewi lalu disitu. Dia mendekati orang itu untuk melihatnya, lalu menyeberang jalan dan meneruskan perjalanan. Tetapi seorang Samaria yang sedang lalu disitu, tiba di tempat orang itu terbaring. Ketika melihat orang itu, hatinya penuh belas kasihan. Maka dia mendekatinya lalu membersihkan lukalukanya dengan wain dan mengubatnya dengan minyak. Selepas itu, dia membalut lukalukanya dan menaikkan orang itu keatas haiwan tunggangannya sendiri. Dia membawa orang itu ke rumah tumpangan dan merawat dia disitu. Keesokkan harinya orang samaria itu memberikan dua keping wang perak kepada tuan rumah tumpangan itu dan berkata kepadanya, "Rawatlah dia, dan sekiranya wang ini tidak cukup, saya akan membayarnya apabila saya kembali kesini". Lalu Jesus mengakhiri ceritanya dengan bertanya, "Menurut pendapatmu, di antara ketiga-tiga orang itu, siapakah yang menjadi sesama orang yang di rompak itu". Guru Taurat itu menjawab, "Orang yang menunjukkan belas kasihan kepadanya". Jesus berkata pula, "Pergilah dan berbuatlah demikian!" (Lukas 10: 25-37).

Petikan Lukas 10 ayat 25 hingga 37 ini menjelaskan kisah seorang Samaria yang menolong seseorang bukan daripada kalangan mereka yang sedang dalam kesusahan dan sangat memerlukan pertolongan sedangkan sebelum kedatangan seorang Samaria ini telah datang orang lain namun tidak membantu orang yang dalam kesusahan tersebut, orang Samaria ini membantu orang tersebut sehinggalah dia kembali sembuh. Baginya berbuat belas kasihan kepada orang lain merupakan satu keutamaan dalam dirinya walaupun terpaksa mengorbankan harta semata-mata hendak mendapat belas kasihan daripada Tuhan. Mereka percaya bahawa setiap kebaikan yang dilakukan akan dibalas dengan kebaikan yang berganda (Keddie, 2020; Horbanus, 2019; Meyer, 1983). Selain itu, menurut tafsiran Matthew Henry, menjelaskan bahawa sekiranya tidak mengasihi antara manusia maka tidak akan dapat merasai kasih sayang dari Tuhan. Kasih sayang adalah sifat Tuhan, dan perlu disebar dan diamalkan kepada semua sebagaimana dalam perintah-Nya. Bagi Orang Kristian mempunyai hukum cinta dalam diri atau dikenali dengan *The Law of Love*. Hukum cinta ini hadir dalam hati dan roh Jesus serta imej Jesus akan wujud dalam dirinya, dan barulah dikenali sebagai orang Kristian yang sejati (Henry, 1991).

Manakala menurut John Calvin dalam tafsirannya, petikan Lukas 10: 25-37 menjelaskan mengenai cara untuk memperolehi keselamatan. Petikan ini menyatakan bahawa Jesus mengajarkan cara kehidupan yang benar menuju Tuhan bukan mengajarkan bagaimana mencapai kehidupan yang kekal. Cara-cara mengatur kehidupan untuk memperoleh keselamatan telah tercatat dalam Taurat. Setiap hukum yang terkandung dalam Taurat adalah hukum yang mengandungi kebenaran yang tertinggi dan keselamatan yang ditawarkan adalah keselamatan yang abadi. Selain itu, berkaitan dengan jiran, Jesus telah meringkaskan bahawa jiran ini tidak dibatasi dengan keturunan, bangsa dan sebagainya dalam bersifat menyeluruh. Manusia disatukan dengan ikatan yang suci, malah terdapat perintah untuk mengasihi orang lain sebagaimana mengasihi diri sendiri. Melalui kisah ini jelas menunjukkan bahawa kedudukan seseorang tidak menghalangnya untuk membantu orang memerlukan walaupun musuh sendiri. Melalui sifat kebencian dan keangkuhan ini telah memadamkan nilai persaudaraan dalam diri (Calvin, 2013). Daripada peristiwa inilah dijadikan contoh teladan buat penganut agama Kristian, yang mana pentingnya sifat tolong menolong walaupun berbeza agama dan latar belakang.

Konsep asas hubungan kemasyarakatan antara agama yang seterusnya adalah hormat-menghormati antara satu sama lain. Dalam ajaran agama Islam, menghormati antara satu sama lain amatlah penting walaupun dalam sekecil-kecil perkara sehinggalah ke sebesar-besar perkara agar dapat mengeratkan hubungan dan juga mengelakkan daripada persengketaan dalam masyarakat (Mutsalim & Jaffary, 2014). Tambahan pula, apabila melibatkan hal sensitiviti dalam agama khususnya mencerca sembah agama lain, sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran, surah al-An'am [6] ayat 108:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلُهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٠٨﴾

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah kami

Maksudnya:

Allah SWT tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah SWT hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halamanmu, serta mereka membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

Merujuk surah al-Mumtahanah ayat 8 hingga 9 menjelaskan hal berkaitan masyarakat Islam menjalinkan hubungan, berbuat baik dan juga berlaku adil kepada orang lain selagi mana mereka tidak memerangi orang Islam. Di samping itu, Allah SWT juga melarang umat Islam menjalinkan hubungan dengan golongan yang memusuhi umat Islam. Menurut al-Zuhaylī (1991) dalam *Tafsīr al-Munīr* berkaitan surah al-An'am ayat 108 menjelaskan bahawa Allah SWT tidak melarang umat Islam untuk menjalinkan hubungan dan berbuat kebaikan kepada orang bukan Islam kerana menyambung silaturahmi adalah perkara yang sangat digalakkan dan melalui hubungan silaturahmi ini dapat membawa manfaat kepada masyarakat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pentingnya mengaplikasikan konsep kebaikan dan keadilan sesama manusia walaupun berbeza agama dan budaya.

Islam juga menolak sebarang bentuk kezaliman sesama manusia terutamanya apabila melibatkan agama. Sebagai contoh kisah seorang sahabat Rasulullah SAW, 'Abd Allāh bin Rawāḥah. Ketika beliau diutuskan ke Khaibar untuk menguruskan urusan perjanjian berkaitan pembahagian hasil penjualan buah buahan. Kemudian Abd Allah berkata: "Wahai orang Yahudi, kamulah orang yang paling aku benci. Kamu telah membunuh para nabi serta melakukan pendustaan kepada Allah SWT. Namun begitu, kebencianku kepada kamu tidak sedikit pun mendorong aku untuk berlaku zalim kepada kamu. Aku menaksirkan pembahagiannya untuk kamu sebanyak 20, 000 wasaq kurma. Jika kamu bersetuju, ia menjadi hak kamu dan jika kamu membantah, maka ia menjadi hak aku. Lalu kaum Yahudi tersebut berkata: "Dengan keadilan seperti inilah tertegaknya langit dan bumi. Kami menerimanya, maka beredarlah engkau dari tempat kami" (al-Sirjānī, 2010).

Seterusnya, menurut al-Qaraḍāwī (1992) konsep kebajikan dalam Islam ialah dengan mempamerkan sikap kelembutan terhadap orang yang lemah dalam kalangan orang bukan Islam, memberikan bantuan kepada fakir miskin, menghulurkan makanan, minuman dan pakaian kepada golongan yang susah, bergaul dengan mereka secara berakhlak dan beradab, mendoakan mereka agar diberikan petunjuk dan hidayah, menasihati mereka dalam urusan keduniaan, memelihara maruah dan harta mereka daripada sebarang bentuk ancaman dan juga membantu dan melindungi mereka daripada unsur kezaliman.

Di samping itu, perbincangan mengenai konsep kebaikan dan keadilan turut dibincangkan dalam petikan teks Bible, sebagaimana berikut:

"Hendaklah kamu semua hidup rukun. Janganlah bersifat sombong, janganlah tolak tugas yang dipandang rendah. Jangan anggap diri kamu lebih bijak daripada sebenarnya. Jika seorang berbuat jahat terhadap kamu, janganlah balas dia dengan kejahatan. Berusahalah untuk melakukan apa yang dianggap baik oleh semua orang. Dengan sedaya upaya, berusahalah untuk hidup damai dengan semua orang. Saudara-saudaraku! Jangan sesekali balas dendam, biarlah Allah yang membalas dendam, di dalam al Kitab tertulis "Aku akan membalas kejahatan mereka, Aku akan menghukum mereka, firman Tuhan," Janganlah balas dendam, tetapi lakukanlah apa yang ditulis di dalam al Kitab. "Jika musuhmu lapar, berilah dia makan, jika dia dahaga maka berilah dia minuman kerana dengan berbuat demikian kamu akan membuatnya malu. Jangan biarkan diri kamu dikalahkan oleh kejahatan, tetapi kalahkanlah kejahatan dengan kebaikan". (Roma 12:16-21).

Merujuk kepada petikan teks bible Roma 12 ayat 16-21, jelas menunjukkan bahawa terdapat saranan kepada masyarakat agar hidup dalam kerukunan dan segala sifat keji dan hina hendaklah dijauhi agar kehidupan yang dibina lebih harmoni. Oleh itu, perlunya usaha untuk memelihara ikatan damai antara manusia dan juga usaha untuk melakukan kebaikan kepada semua manusia sebagaimana mengharapkan kebaikan yang sama berlaku kepada diri (Henry, 1991; Schutlz, 2002). Tambahan pula, terdapat juga perintah agar tidak membalas kejahatan manusia lain dengan kejahatan dan mereka perlu percaya bahawa suatu hari nanti Tuhan akan membalas kejahatan tersebut, sebagai manusia tidak layak untuk menghukum manusia yang lain. Setiap kejahatan yang dilakukan pasti akan mendapat balasan setimpal daripada Tuhan begitu juga dengan setiap

yang mendorong penganutnya melakukan kejahatan. Melalui agama juga dapat menyatukan masyarakat walaupun berbeza agama dan latar belakang, nilai-nilai murni yang diajarkan dalam semua agama ini mampu meningkatkan persefahaman sesama manusia. Walau bagaimanapun, ajaran agama harus difahami, dipelajari dan dipraktikkan sebagaimana yang terkandung dalam ajaran agama, barulah dapat mewujudkan masyarakat yang aman dan sejahtera. Namun, masih ada sesetengah individu mahupun kumpulan yang mengambil mudah dalam urusan agama sehingga menyisihkan atau memisahkan agama dalam kehidupan sehingga menyatakan bahawa ajaran agama tidak sesuai dengan peredaran zaman dan kemajuan teknologi. Walhal melalui agama, kehidupan manusia lebih terpadu dan menjadikan manusia lebih baik. Malah peranan agama dalam kehidupan manusia ini diakui oleh ramai sarjana Barat seperti Armstrong (1993) dan Huntington (1997). Selain itu, menurut Dupree (2006), kehidupan manusia secara keseluruhannya sangat dipengaruhi dan memerlukan kepada agama.

Seterusnya, penyisihan agama daripada kehidupan ini juga turut dikenali dengan fahaman sekular. Pengertian bagi perkataan sekular adalah suatu perkara yang tidak melibatkan dengan unsur rohani atau keagamaan. Manakala sekularisme pula berasal daripada bahasa Inggeris yang membawa maksud suatu kepercayaan bahawa akhlak, pendidikan dan hal berkaitan dengan kehidupan dunia tidak didasari dengan agama (Hornby, 2004), atau dalam pengertian lain sekularisme ini adalah suatu fahaman yang memisahkan urusan agama dengan urusan keduniaan. Setiap perkara yang dilakukan tidak didasari dengan agama malah setiap tingkah laku manusia dilakukan mengikut akal fikiran tanpa berpandukan kepada ajaran dan panduan daripada agama (Yusri, 2019). Malah kehidupan masyarakat di Barat telah didominasi dengan fahaman sekularisme ini sehingga menyebabkan kemerosotan peranan agama dalam kehidupan (Dupree, 2006).

iii. Pengaruh Media

Dalam dunia serba moden ini, tidak ketinggalan teknologi dan media juga turut berkembang sehingga maklumat-maklumat dari setiap pelusuk dunia mudah didapati dengan hujung jari sahaja. Setiap berita dan perkembangan semasa dari negara lain mudah untuk didapati namun kesahihannya belum pasti telus dan dipercayai. Melalui media ini juga, Zulkifli (2012) menegaskan bahawa persepsi masyarakat sangat mudah dipengaruhi. Tambahan pula, dalam bidang perfileman pula terdapat beberapa filem yang berunsurkan Islamophobia, antara judulnya ialah "*Innocence of Muslim*" yang diarah oleh Sam Beville. Filem ini jelas menunjukkan kefahaman bertentangan dengan Islam dan penghinaan terhadap agama Islam dan Rasulullah SAW. Filem ini diadaptasi daripada peristiwa keganasan dan pengeboman atau dikenali peristiwa 11 September 2001 yang mengorbankan kira-kira 2996 nyawa yang berlaku di New York dan peristiwa inilah punca tercetusnya fenomena Islamophobia (Fuller, 2010). Kemudian, peristiwa 11 September ini meninggalkan kesan yang mendalam terhadap penganut agama lain, sebagai contoh sejak berlakunya peristiwa ini, peningkatan jenayah kebencian terhadap umat Islam di Amerika Syarikat kian memuncak. Terdapat sesetengah penduduk di Amerika bertindak mengugut untuk membakar naskhah al-Quran setiap kali ulang tahun peristiwa 11 September tersebut. Malah lebih teruk lagi apabila mereka terasa terancam dan curiga dengan kawasan kediaman orang Muslim dan Arab sehingga mereka meminta pihak berkuasa sentiasa memantau penganut agama Islam ini kerana dibimbangi melakukan keganasan dan pengeboman berani mati (Lichtblau, 2016; Disha, Cavendish, & King, 2011). Seterusnya, beberapa lagi peristiwa pengeboman berani mati yang berlaku di Madrid (11 Mac 2004) dan London (7 Julai 2005) oleh pengganas yang disyakki sebagai Muslim. Melalui peristiwa ini telah memburukkan imej Islam dimata masyarakat seluruh dunia. Kesahihan sumber itu bukan lagi menjadi perkara utama dalam media sosial, setiap berita yang tersebar sesetengahnya bukanlah dari sumber yang sahih dan ada yang memutar belitkan fakta sehingga masyarakat terpengaruh dan percaya dengan disampaikan (Azizan, Zaid, Tarmizi, & Jayum, 2014).

5. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan mengenai asas-asas hubungan kemasyarakatan antara agama menurut perspektif Islam dan Kristian iaitu berkenal-kenalan dan tolong menolong, hormat menghormati dan juga melakukan kebaikan, jelas menunjukkan bahawa asas-asas ini sangat penting bagi memastikan kehidupan masyarakat aman dan harmoni tanpa persengketaan dan permusuhan. Walaupun berbeza latar belakang dan agama, dalam kehidupan bermasyarakat tidak menjadi satu permasalahan apabila saling tolong menolong dan saling berkenal-kenalan. Hal ini kerana melalui tolong menolong dan berkenal-kenalan akan dapat membuka peluang penganut agama lain mengetahui dan memahami agama lain. Seterusnya, melalui kefahaman dan pengetahuan mengenai agama lain sedikit sebanyak akan mewujudkan sifat hormat menghormati antara satu sama lain tanpa sebarang

prasangka dan prejudis dengan agama lain serta dapat menjalinkan hubungan kemasyarakatan dengan baik. Selain itu, setiap agama juga menuntut penganutnya untuk melakukan kebaikan, tidak ada agama yang menyarankan penganutnya untuk melakukan kejahatan. Kebaikan yang dilakukan tidak dibatasi dengan latar belakang agama dan budaya namun bersifat menyeluruh barulah keamanan dan keharmonian dapat dicapai. Tambahan pula, asas-asas hubungan kemasyarakatan yang terkandung dalam kitab-kitab agama tersebut sedikit sebanyak dapat membuka mata dan minda para penganut bahawa berpegang kepada ajaran agama dapat menjamin keamanan dan keharmonian dalam kehidupan. Oleh itu, kefahaman yang jitu dalam agama amat penting agar seseorang itu tidak mudah terpengaruh dengan anasir luar yang mana bukan sahaja boleh merosakkan hubungan antara agama malah akan merosakkan nama baik sesebuah agama. Dalam hubungan kemasyarakatan antara agama ini apa yang penting adalah saling memahami dan menghormati antara satu sama lain. Keganasan bukan suatu pilihan dalam mengurus kepelbagaian agama dan budaya dalam masyarakat.

Rujukan

- Abdullah, M.S., Noor, M.M., Yusof, A.N., & Husain, F.C. (2018). Konsep komuniti dan perkembangannya: suatu tinjauan kritikal terhadap penggunaannya. *e-BANGI Journal*, 12(3), 1-15. Retrieved from <https://www.proquest.com/openview/7281a09c1fe39b336a81d4ff3998b1f1/1?pqorigsite=scholar&cb=616374>.
- Aemy, E. M. Z., Norsaadah, D., Nazneen, I., & Maryam, H. K. (2018). Mendepani masyarakat majmuk di Malaysia melalui ilmu perbandingan Agama: Tinjauan awal. *Jurnal Al-Hikmah*, 10(1), 163-175. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/325>.
- Anon. (2007). *Where Love and Justice Meet. Restorative Justice Bible Study*. Washington, DC: Prison Fellowship International. Retrieved from <http://restorativejustice.org/rj-library/where-love-and-justice-meet/9031/>.
- Andreas, S. (2008). *Sosiologi 1*. Bogor, Indonesia: Yudhistira Quadra.
- Armstrong, K. (1993). *A history of God*. London: Heinemann.
- Arthur, J., & Bailey, R. (2000). *Schools and community: The communitarian agenda in education*. London, UK: Falmer Press.
- Azizan, B., Zaid, A., Tarmizi, A. & Jayum. (2014). *Kajian isu dan cabaran hubungan antara penganut agama di Malaysia*. Selangor: Universiti Putra Malaysia. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/288827698>.
- Aziera, N. M. R., Faizal, M. P. R, Rawi, N., & Siti, N. H. (2017). Kepelbagaian dan kesepaduan etnik di Malaysia menurut Islam. *Jurnal Sains Insani*, 2(2): 8897. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no2.41>.
- Baharom, N. et al. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur, KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basmeih, A. (2006). *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur, KL: Dar al-Kitab.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. <http://dx.doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>.
- Calvin, J. (2013). *Calvin's Complete Commentary on the Bible*. United States of America: Delmarva Publications.
- Damsar. (2017). *Pengantar teori Sosiologi*. Jakarta, Indonesia: Kencana.
- Dimodica, A., Emily, B. E., & Cohen, R. (2010). *Bridging Babel: New social media and interreligious and intercultural understanding*. Berkly Centre Undergraduate Fellowship Report. United States, USA: Georgetown University.
- Disha, I., Cavendish, J. C., & King, R. D. (2011). Historical events and spaces of hate: hate crimes against Arabs and Muslims in Post-9/11 America. *Social Problems*, 58(1), 21-46. <https://doi.org/10.1525/sp.2011.58.1.21>.
- Dupree, N. (2006). *The Religion Century*. Retrieved from <http://www.nicksrusade.org/the-religion-century/>, 12 September 2006.
- al-Fāyūmī, A. M. A. A. (2006). *Majallāt al-da'wah fi al-Qur'an wa usūluha*. al-Ḥarām, KSA: Maktabah Aulād al-Syaikh.
- Fathi, O. (1997). *Concepts of the Quran: a topical reading*. Kuala Lumpur, KL: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Frances, S. A. (2019). Making friends with people of other religions: Pitfalls of giftive mission. *Missiology: An International Review*, 47(1), 18-23. <https://doi.org/10.1177/0091829618814778>.
- Fuller, G. E. (2010). *A world without Islam*. New York, NY: Little Brown and Company.

- al-Gharyani, A. M. A. A. (2006). *al-Ta'āyush al-silmi fi uşur al-duwal al-islāmiyyah. Nadwah al-Duwalīyyah al- Ta'āyush al-Silmi fi al-Islām*. Colombo, Sri Lanka: Rābiṭah al-ʿAlam al-Islāmī & al Markaz al-Islāmī.
- Habib, M. (2009) *Inter-faith understanding and the Koran: Islam and the modern age*. New Delhi, India: Zakir Husain Institute of Islamic Studies.
- Hakim, A.M., Ros, M.M., Mashitah, S. & Latifah, A. L. (2019). Muslim-Christian relations in Malaysia: issues and solutions. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 7(1): 347-353. <https://doi.org/10.18510/hssr.2019.7140>.
- Hawwā, S. (2003). *Ar-Rasūl Ṣalallāhu ʿAlaihi Wasallam*. Kuala Lumpur, KL: Darulfikir.
- Henry, M. (1991). *Matthew Henry's commentary on the whole Bible*. LLC: Matthew Henry Publisher Marketing.
- Hogan, J. (2005). *The psychology of terrorism*. London, UK: Routledge.
- Hood, S. (2007). *Guidelines for interfaith event and dialogue*. Retrieved from <https://www.ireland.anglican.org/resources/268/guidelines-for-interfaith-events-dialogue>.
- Horbanus, S. (2019). Konsep sesamaku manusia dalam Lukas 10:25-27. *Voice of Wesley: Jurnal Ilmiah Musik dan Agama*, 3(1). <https://dx.doi.org/10.36972/jvow.v3i1.38>.
- Hornby, A. (2004). *Oxford advanced dictionary*. London, UK: Oxford University Press.
- Huntington, S. P. (1997). *The clash of civilizations and the remaking of world order*. London, UK: Simon & Schuster.
- Ibn Kathīr, M. I. (2005). *Tafsir Ibn Kathīr*. Indonesia: Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Jenik, C. (2021). *The world's largest religious groups over time (Statista Portal)*. Retrieved from <https://www.statista.com/chart/25572/worlds-largest-religious-groups-over-time/>.
- Jodock, D., & Mary, K. (2016). *A Christian view of inter-religious relations: A modified excerpt from engaging others, knowing ourselves*. Collegeville Institute. Retrieved from <https://collegevilleinstitute.org/bearings/christian-view-inter-religious-relations/>.
- Keddie, G. A. (2020). "Who is my neighbor?" ethnic boundaries and the Samaritan other in Luke 10:25-37, *Biblical Interpretation*, 28(2), 246-271. doi:10.1163/15685152-00282P06.
- Kumar, K. A. (2017). *Concept of society and culture*. India: Indira Gandhi National Open University. Retrieved from <http://egyankosh.ac.in/handle/123456789/41246>.
- Khadher, A., Mustaffā. A., Sedek, A., & Yakub, M. (2016). Fanatik beragama dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia: analisis berdasarkan pemahaman terhadap fiqh al-hadith. *International Conference On Islam In Malay World Vi*. Retrieved From <http://eprints.um.edu.my/16536/1/>.
- Khairul, A. M. (2003). Kepelbagaian kaum dalam Islam: Hakikat dan tuntutan. *Seminar Hak dan Tanggungjawab Pelbagai Kaum dalam Sebuah Negara Islam*. Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur. 7–8 May.
- Khairul, A. M., Faqih, A., & Hilmi, M. (2018). Prinsip asas interaksi inter-agama di Malaysia menurut Islam. *Prosiding Kolokium Penyelidikan Kebangsaan*. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Lichtblau, E. (2016). Hate crimes against American Muslims most since post-9/11 era. *New York Times*. Retrieved from <https://www.nytimes.com/2016/09/18/us/politics/hate-crimes-american-muslims-rise.html>.
- Meyer, H. A. W. (1983). *Critical and exegetical, handbook to the Gospel of Mark and Luke*. United States, USA: Hendrickson Publisher.
- Munawar, A. I., & Mohd Nor, S. A. (2019). *Mengenal kuantitatif dan kualitatif dalam penyelidikan pengajian Islam*. Bangi: UKM Press.
- Munawar, A. I., Muhaimin, A. M., & Izhar, M. A. M. K. (2021). Mengenal pasti perwatakan ekstremis melalui disiplin fiqh taayush. *Islāmiyyāt*, 43(1), 121-134. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-4301-11>.
- al-Qaraḍāwī, Y. (1992). *Ghayr al-muslimīn fi al-mujtama' al-Islāmī*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaraḍāwī, Y. (1996). *Membangun ummah: suatu kenyataan bukan khayalan*. Batu Caves: Thinker's Library.
- al-Sharīf, M. M. (2013). *al-Taqārub wa ta'āyush ma'a ghayr al-muslimīn*. Arab Saudi, KSA: Dār Andalūs al-Hirā.
- al-Sirjānī, R. (2010). *Fann al-ta'ām al-nabawī ma'a ghayr al-muslimīn*. Kaherah: Dār Aqlam.
- Yusri, M. (2019). Sekularisme: faktor, penyebaran dan langkah mengatasinya dari sudut pandang Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 202-216. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.280015>.

- Mutsalim, K. & Jaffary, A. (2014). Toleransi beragama dan implikasi dalam kalangan mahasiswa/i muslim Buddha di prince of Songkla university. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(2), 1-14. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/7827/>.
- Muzaffar, C. (2005). *Global ethic or global hegemony?* Kuala Lumpur, KL: Asean Academic Press.
- Nazri, M. M., Yusri, N. M., & Hidayat, A. B. (2011). Hubungan etnik di Malaysia dari perspektif Islam. *Kajian Malaysia*, 29(1), 1–28. Retrieved from [http://web.usm.my/km/29\(1\)2011/KM%20ART%201\(1-28\)](http://web.usm.my/km/29(1)2011/KM%20ART%201(1-28)).
- Nazneen, I., Norul, H. B., Mariam, A. M. & Hasnan, K. (2019). Pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa institut pengajian tinggi Islam di Malaysia. *Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 78-93. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.57>.
- Nursila. (2019). *Interaksi sosial masyarakat dalam al-Quran (Telaah Qs: al-Hujurat ayat 13)*. (Tesis Sarjana). Institut Agama Islam Negeri. Retrieved from <http://repository.iainpalopo.ac.id/id/eprint/2633/>.
- Osborn, R. E. (2021). Disciples of Christ. *Encyclopedia Britannica*. <https://www.britannica.com/topic/Disciples-of-Christ>.
- Palomo, M. M. (1984). *Contemporary sociological theory*. Jakarta: Cv. Rajawali.
- Parsons, T. (1967). *Sociological theory and modern society*. New York, NY: The Free Press.
- Paul, B. H., & Chester, L., H. (1984). *Sociology*. Singapore: Mc Graw-Hill Book Co.
- Richard, T. S. (2003). *Sociology with free socworld with powerweb (8th ed.)*. United State. USA: McGraw-Hill.
- Schultz, J. (2002). *John Schutlz's commentaries*. Retrieved from <https://bible-commentaries.com/>.
- Shamsul, A. (2012). *Modul hubungan etnik*. Bangi: Institut kajian etnik Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syatirah, W. W. S. & Zuliana, Z. (2020) Perpaduan dalam membentuk keamanan umat Islam di Malaysia. *Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020*. Retrieved from <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/6952/1/BM005%20%20Perpaduan%20Dalam%20Membentuk%20Keamanan%20Umat%20Islam%20Di%20Malaysia.pdf>.
- al-Ṭabarī, A. J. M. J. (2007). *Tafsīr al-Ṭabarī*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Troll, C. W. (2008). Towards common ground between Christians and Muslims. In A. Wasey (ed.). *Islam and the Modern Age*. New Delhi, India: Zakir Husain Institute of Islamic Studies.
- Wilkinson, C. G. (t.th.). Living with others faiths: A presence and engagement resource. *Contextual Theology Centre*. Retrieved from <http://www.theology-centre.org.uk/wp-content/uploads/2013/04/Living-with-other-faiths-A-Presence-and-Engagement-Resource.pdf>.
- Yohanes, K. S. (2018). “Menjadi sesama manusia” persahabatan sebagai tema teologis dan implikasinya bagi kehidupan bergereja. *Dunamis: Jurnal Teologi dan Pendidikan Kristiani*, 2(2). Retrieved From <https://www.researchgate.net/publication/324814119>.
- al-Zuhaylī, W. (1991). *al-Tafsīr al-Munīr*. Jil. 27. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Zulkefli, M. I. I., Endut, M. N. A. A., Abdullah, M. R. T. L., & Baharuddin, A. (2018). Towards ensuring inter-religious harmony in a multi-religious society of Perak. In *SHS Web of Conferences*, Vol. 53, p. 04006. EDP Sciences. <https://doi.org/10.1051/shsconf/20185304006>.
- Zulkifli, H. (2012). *Memahami isu islamofobia: antara persepsi dan realiti. Bengkel kefahaman Islamofobia*. Kuala Lumpur, KL: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).